

PROSEDUR OPERASI STANDARD (S.O.P)



PASAR PAGI | PASAR MALAM | PASAR TERBUKA

WAKTU BEROPERASI

- Pasar Pagi → 6:00am - 11:00am
Pasar Malam → 4:00pm - 10:00pm
Pasar Terbuka → 5:00pm - 11:00pm

KEDUDUKAN LOT/ PETAK PENIAGA



1.5 meter antara satu sama lain

KAWALAN LALULINTAS DAN PEMBERSIHAN

- Kawalan akan dilakukan oleh Ketua Tapak Pasar Malam dan dibantu oleh Penguatkuasa Majlis Daerah Kuala Pilah.
- Mewujudkan laluan keluar dan masuk.
- Pembersihan dan disinfeksi akan dilakukan oleh Majlis Daerah Kuala Pilah setiap kali pasar selesai beroperasi.

KONSEP JUALAN

Hanya dibenarkan beroperasi secara bungkus (*Take Away*) sahaja



KAWALAN OPERASI DAN PENGUATKUASAAN

Tindakan kompaun, sitaan peralatan perniagaan dan penutupan serta-merta boleh dilakukan jika sekiranya pelesen/ peniaga gagal mematuhi mana-mana syarat-syarat yang di tetapkan.



KAWALAN KEMASUKAN PENGUNJUNG

- Pengunjung wajib membuat saringan suhu badan, menggunakan "**Hand Sanitiser**" dan memakai "**Face-Mask**".
- Pengunjung yang mempunyai suhu melebihi **37.5 c'** dilarang sama sekali memasuki kawasan perniagaan.
- Pengunjung wajib mencatatkan **nama dan no. telefon** dalam buku pendaftaran bagi tujuan "**Contact Tracing**".
- Pengunjung tidak terlibat sebagai (Patient Under Investigation) atau perintah kuarantin.
- Hanya **dua (2) orang** sahaja bagi satu keluarga sahaja dibenarkan memasuki kawasan perniagaan.
- Pengunjung mestilah berumur **13 tahun dan ke atas sahaja**.
- Pengunjung wajib menjaga penjarakan sosial dan beratur mengikut garisan jarak sosial yang telah disediakan oleh penganjur.
- Digalakkan berurusniaga secara "**cashless**".
- Laluan pengunjung dalam kawasan perniagaan adalah berbeza antara laluan masuk dan keluar.

PELESEN

Pelesen adalah diwajibkan mengambil khidmat warganegara malaysia sahaja sebagai pembantu jumlah maksima di benarkan dan adalah 2 orang sahaja.



TANGGUNGJAWAB PELESEN / PEMBANTU

- Wajib memakai "**Face-Mask**"
- Wajib memakai **sarung tangan** dan **apron pakai buang**.
- Pelesen / Pembantu yang mempunyai gejala batuk dan selsema adalah **dilarang** daripada menjalankan perniagaan pada hari tersebut.
- Pelesen / Pembantu adalah tidak terlibat sebagai PUS dan PUI atau **perintah kuarantin**.
- Pelesen / pembantu yang mempunyai suhu badan melebihi **37.5 c** dilarang memasuki kawasan perniagaan.
- Hanya tiga (3) orang sahaja iaitu pelesen dan pembantu dibenarkan untuk setiap gerai.
- Digalakkan memuat turun dan mendaftar dalam aplikasi **My Sejahtera**.
- Memastikan pelanggan disetiap gerai mematuhi **penjarakkan sosial 1 meter** antara satu sama lain.
- Memastikan dan menjaga **kebersihan diri** dan **tapak niaga** pada setiap masa perniagaan.

TINDAKAN PENGANJUR

- Menyediakan pelan lokasi yang mengandungi maklumat petak niaga, tanda jarak sosial dan tanda arah.
- Menentukan bilangan petak niaga.
- Menyediakan maklumat pelesen yang terlibat dalam kawasan perniagaan.
- Menyediakan peralatan yang diperlukan mencukupi bagi memastikan S.O.P dipatuhi.



SYARAT-SYARAT TAMBAHAN

- Caj tambahan sebanyak **RM 1.00** akan dikenakan kepada **setiap peniaga** selain daripada sewa tapak oleh ketua tapak/ penganjur bagi menampung kos pengurusan khas.
- Pelesen adalah **di larang** sama sekali meletakkan **kenderaan** dalam **tapak/ petak niaga**.



SYARAT-SYARAT UMUM KEPADA PEMEGANG LESEN

- **Mempamerkan lesen/ permit niaga** di bahagian yang mudah dilihat pada kawasan perniagaan.
- Wajib berada di tapak niaga dan dilarang sama sekali memindah milik dan menyewakan atau menjual petak niaga.
- Sentiasa **menyelenggara** dan memastikan lot niaga dan peralatan berada dalam keadaan **bersih**.
- Memastikan saiz petak niaga, tempoh niaga dan waktu perniagaan yang telah diluluskan.
- Memastikan lot/ petak niaga semasa dan selepas waktu operasi berada dalam keadaan bersih, sampah-sarap hendaklah dimasukkan ke dalam **beg plastik** dan **ikat kemas** sebelum di buang ke tempat yang disediakan.
- Mempamerkan **tanda harga** barangan jualan.
- Di larang menjual barangan tiruan kepada orang awam.
- Sekiranya kawasan atau tapak perniagaan terlibat dengan pembangunan/ penyusunan semula, MDKP berhak untuk membatalkan lesen penaja yang dikeluarkan dan peniaga perlu berpindah/ mencari tapak yang baru.
- Yang Dipertua MDKP berhak untuk mengambil tindakan berdasarkan undang-undang dan Akta yang diguna pakai dengan Jabatan/ Agensi luar yang berkaitan dengan aktiviti perniagaan.
- Peniaga di kehendaki menandatangani surat **Aku Janji** dengan MDKP sebelum memulakan perniagaan (jika perlu).
- Perniagaan makanan dan minuman hendaklah mematuhi syarat-syarat berikut:
 - Memakai pakaian bersih dengan **penutup kepala, sarung tangan dan apron**.
 - Mendapatkan suntikan pelalian **tifoid** dan memastikan ianya masih sah laku dan sentiasa berada dalam simpanan peniaga.
 - Mendapat sijil khusus latihan pengendali makanan yang dikeluarkan oleh mana-mana sekolah latihan pengendalian makanan yang diiktiraf oleh **KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**.